

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, NEGERI KELANTAN

BIL. 2/2016

TATACARA PERMOHONAN RAYUAN PENGURANGAN PREMIUM DENDA DAN PREMIUM
TAMBAHAN.

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa mana-mana permohonan milik tanah yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri boleh diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri bagi pengurangan bayaran Premium Denda dan Premium Tambahan.

2. Setiap permohonan hendaklah di kemukakan kepada Pentadbir Tanah Jajahan berkenaan melalui borang yang telah disediakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri, semua Pejabat Tanah dan Jajahan hendaklah memastikan maklumat yang dikehendaki di dalam borang tersebut di isi dengan lengkap dan telah disiasat dan disahkan oleh Penghulu dan Ahli Undangan Negeri (ADUN) / Ahli dewan Rakyat (ADR)/ Penyelia DUN/ Penyelia Parlimen. Permohonan yang tidak lengkap **tidak dapat di proses** untuk tindakan seterusnya.

3. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum bagi melaksanakan arahan ini.



DATO' HAIN NAZRAN BIN MUHAMMAD, *D.P.S.K (Kelantan)*

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB Dato' Penasihat Undang- Undang Negeri Kelantan
6. YM Dato' Tengku Kaya Perkasa
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
8. YABrs. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO. : PTG.KN 32/69 Jld.4 (10)
BERTARIKH : 16 Zulhijjah 1437H
18 September 2016